

TAHAP KOMPETENSI GURU QIRAAAT DI NEGERI SEMBILAN DALAM PENGAJARAN

Mohd Syaiful Naim Shaedi¹, Mohd Faizulamri Mohd Saad² & Sabri Mohamad³

Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

p101664@siswa.ukm.edu.my¹, faizam@ukm.edu.my² & sabri_m@ukm.edu.my³

ABSTRACT

The development of Quranic knowledge in Malaysia has shaped Tahfiz Education as the mainstream in Islamic Education. Thus, the learning and teaching of Qiraat knowledge through the subject Maharat al-Quran is one of the contents in the Tahfiz Integrated Curriculum introduced in 2014. Identified problems in the teaching of Qiraat knowledge are the knowledge and practice of teachers; as well as students' mastery which are at a moderate level. In addition, teachers only use traditional methods in the teaching and learning process. This study aims to identify the teachers' competence level in the teaching of Qiraat knowledge. This study is a quantitative in nature, utilising survey method using the questionnaire form. Data is collected from religious schools under the management of Islamic Education Division, MoE and the State Religious Department in Negeri Sembilan conducting Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). A total of 6 schools and 48 teachers were selected as the sample of the study using stratified random sampling method. Data is processed descriptively using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 26.0 to find the mean value and standard deviation. The findings of this study indicate that the competence level of Qiraat teachers in Negeri Sembilan is high while attitude is found to be at the highest level. Therefore, it is advisable that the effort to increase the value of knowledge on learning and implementation of Tahfiz Integrated Curriculum (KBT) content among teachers can be carried out by all related parties.

Keywords: Teacher competence; Qiraat Teacher; Qiraat Knowledge; Tahfiz Integrated Curriculum; Maharat al-Quran

ABSTRAK

Perkembangan ilmu al-Quran di Malaysia telah membentuk Pendidikan Tahfiz sebagai arus perdana dalam Pendidikan Islam. Justeru, pembelajaran dan pengajaran ilmu Qiraat melalui mata pelajaran Maharat al-Quran merupakan salah satu pengisian dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz yang diperkenalkan pada tahun 2014. Masalah yang dikenal pasti dalam pengajaran ilmu Qiraat ialah ilmu dan amalan guru, serta penguasaan pelajar yang berada pada tahap sederhana. Selain itu, guru hanya menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kompetensi guru dalam pengajaran ilmu Qiraat. Kajian ini berbentuk kuantitatif, menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Data dikumpul daripada sekolah agama di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan Islam, KPM dan Jabatan Agama Negeri di Negeri Sembilan yang menjalankan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Sebanyak 6 sekolah dan 48 guru telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Data diproses secara deskriptif menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 untuk mencari nilai min dan sisihan piawai. Dapatkan kajian ini menunjukkan tahap kompetensi guru Qiraat di Negeri Sembilan adalah tinggi manakala sikap didapati berada pada tahap paling tinggi. Justeru, adalah wajar usaha meningkatkan nilai ilmu pembelajaran dan pelaksanaan kandungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dalam kalangan guru dapat dilaksanakan oleh semua pihak berkaitan.

Kata Kunci: Kompetensi Guru; Guru Qiraat; Ilmu Qiraat; Kurikulum Bersepadu Tahfiz; Maharat al-Quran

PENGENALAN

Pendidikan tahfiz telah mendapat tempat di hati masyarakat. Pihak kerajaan telah memperkenalkan kurikulum baru, iaitu Kurikulum Bersatu Tahfiz. Kurikulum ini di perkenalkan pada tahun 2014 dan dilaksanakan di beberapa negeri di Malaysia. Negeri-negeri tersebut adalah Pahang, Kuala Lumpur dan juga Kedah. Tiga negeri ini diwakili oleh tiga buah sekolah terdiri dari sekolah di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan Islam dan Bahagian Sekolah Berasrama Penuh. Sekolah-sekolah ini merupakan sekolah-sekolah yang dipilih kemasukan muridnya. Ini adalah kerana perlaksanaan di peringkat permulaan ini merupakan Program Ulul Albab. Program ini menggabungkan elemen tahfiz dan sains. Selain murid-murid mengambil mata pelajaran berkait tahfiz mereka juga mengambil pakej mata pelajaran sains tulen. Oleh kerana itu program ini dianggap berat kepada murid berbanding kurikulum lain yang ada (Daud 2015).

Perlaksanaan kurikulum ini melibatkan dua mata pelajaran iaitu Hifz al-Quran dan juga Maharat al-Quran. Hifz al-Quran mata pelajaran yang mengandungi hafalan al-Quran 30 juzuk dengan bertajwid, kefasihan yang baik dan memahami makna al-Quran yang mudah. Manakala Maharat al-Quran adalah mata pelajaran yang membincangkan hampir semua ilmu-ilmu yang berkait dengan al-Quran. Seperti ilmu Tajwid, Qiraat dan Rasm al-Quran. Penekanan terhadap Tajwid adalah di peringkat menengah rendah. Adapun Qiraat dan Rasm pula diperkenalkan semasa tingkatan 4 dan 5 iaitu di menengah atas yang mana seperti diketahui Sijil Pelajaran Malaysia dilaksanakan di tingkatan 5 (Mahdi Yusuf 2019).

Kajian ini hanya menumpukan kepada 1 aspek di dalam mata pelajaran Maharat al-Quran iaitu berkenaan pengajaran Ilmu Qiraat yang dilaksanakan oleh guru tahfiz semasa proses pengajaran dan pembelajaran mereka iaitu tahap kompetensi mereka terhadap pengajaran yang mereka laksanakan. Ilmu Qiraat yang diajarkan mereka adalah Qiraat Tujuh menurut susunan Imam as-Syatibi melalui karangan beliau Matan Hirz al-Amani yang membincangkan Qiraat Tujuh secara terperinci.

ISU DALAM PENGAJARAN QIRAAT

Golongan yang terlibat di dalam dunia pendidikan tidak lari dari dua perkara iaitu golongan yang mendidik dan golongan yang dididik. Golongan mendidik itu sudah pasti guru dan dididik itu adalah murid. Kajian menunjukkan guru berpengetahuan akan menghasilkan program pendidikan yang lebih baik terhasil (Neild et al. 2009). Bahkan kesan tidak mahir subjek yang diajar akan mengganggu perlaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (Peng & Shashipriya Nadaraja 2014).

Perkara yang membimbangkan adalah kenyataan yang disebutkan tentang guru tahfiz menggunakan kaedah tradisional adalah hasil kajian pada tahun 2010 oleh (Azmil Hashim. 2010). Perkara ini disokong pula oleh dapatan laporan Pantauan Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti (2017) menyatakan guru tahfiz masih lagi menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran (Mahdi Yusuf 2019).

Perkara ini perlu dipandang serius. Faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini diteliti secara mendalam kerana kompetensi guru dalam amalan pengajaran dan pembelajaran tafhib berada pada tahap sederhana tinggi (Mardhiah Yahaya 2017). Ia masih lagi pada peringkat yang tidak membanggakan dan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana (Daud & Ibrahim 2019).

OBJEKTIF

1. Mengenal pasti tahap kompetensi guru-guru Qiraat dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat daripada aspek pengetahuan.
2. Mengenal pasti tahap kompetensi guru-guru tafhib dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat daripada aspek kemahiran dan amalan bilik darjah.
3. Mengenal pasti tahap kompetensi guru-guru tafhib dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat daripada aspek sikap guru.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap kompetensi guru-guru tafhib dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat daripada aspek pengetahuan?
2. Apakah tahap kompetensi guru-guru tafhib dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat daripada aspek kemahiran?
3. Apakah tahap kompetensi guru-guru tafhib dalam pelaksanaan pengajaran ilmu qiraat daripada aspek sikap guru.

METODOLOGI

Bentuk kajian yang dijalankan ini adalah dari jenis kajian gunaan. Bukan kajian asas kerana kajian ini adalah menambah nilai dari kajian sedia ada (Ibrahim 2017). Ia merupakan kajian yang mengaplikasikan kaedah kuantitatif berbentuk kajian tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik pula menggunakan skala *likert* dengan pilihan jawapan yang diberi adalah lima. Iaitu 1 dengan sangat tidak setuju. 2, tidak setuju. 3, kurang setuju. 4, setuju. 5, sangat setuju. Skala ini digunakan kepada bahagian pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Manakala pecahan untuk kemahiran mengawal kelas di terjemahkan dengan 1, sangat tidak kerap. 2, tidak kerap. 3, kurang kerap. 4, kerap. 5, sangat kerap. Menurut Sri Andayani (Yusuf et al. 2021) bahawa skala *likert* adalah perkara yang sesuai digunakan bagi mendapatkan respons terhadap kajian kuantitatif tinjauan.

Pemilihan lokasi kajian di Negeri Sembilan kerana banyak sekolah mengambil KBT sebagai kurikulum berbanding negeri lain. Ada 6 buah sekolah. 1 SMKA dan 5 SABK. Setelah melakukan tinjauan terdapat populasi seramai 54 orang guru. Sampel dipilih secara rawak berstrata untuk mewujudkan peluang bagi semua pihak memberi respons agar tidak berlaku bias terhadap dapatan kajian nanti. Manakala soal pemboleh ubah pula adalah pemboleh ubah bersandar adalah tahap kompetensi guru. Pemboleh ubah bebas adalah pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Soal selidik mempunyai 3 bahagian. Iaitu A untuk demografi, B untuk konstruk kompetensi iaitu pengetahuan guru, kemahiran guru dan sikap guru. Bahagian C adalah ruang responden komen.

1. Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kajian ini didasari oleh soal selidik yang telah disemak oleh pakar-pakar yang berkaitan dengan bidang ini. Merujuk kepada pakar bidang pendidikan Islam, pakar pendidikan tafsir juga pakar terhadap bidang qiraat itu sendiri. Kajian rintis telah dijalankan di SMAP Bentong dengan nilai *Alpha Cronbach* diambil. Bagi Kemahiran Guru mempunyai 0.94 dan Sikap Guru mendapat nilai 0.80. Pengetahuan guru pula lebih rendah iaitu 0.55. Namun begitu setelah dibuang 4 dari 21 item pada bahagian tersebut maka nilai telah mencapai kepada 0.70. Menurut Sri (2019) nilai 0.60 adalah nilai yang baik.

Jadual 1: Nilai Alpha Cronbach

Bahagian	Pemboleh Ubah	Bil. Item	Nilai Alpha
B	Pengetahuan Guru	17	0.70
	Kemahiran Guru	48	0.94
	Sikap Guru	14	0.80

Analisis data kuantitatif dijalankan menggunakan aplikasi IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi 26.0. Data diproses dengan mengambil kira nilai min bagi item-item yang telah disenaraikan di dalam soal selidik. Nilai interpretasi merujuk kepada Interpretasi nilai min Nunally (1978).

Jadual 2: Interpretasi Min

Nilai Skor Min	Interpretasi skor min
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber: Nunally(1978)

DAPATAN KAJIAN

Kajian dijalankan bagi menjawab persoalan yang telah disebut sebelum ini. Dapatan ini terbahagi kepada 3. Iaitu tahap pengetahuan guru, tahap kemahiran guru dan tahap sikap guru.

1. Tahap Pengetahuan guru

1.1 Pengetahuan Isi Kandungan Mata Pelajaran

Pengetahuan guru itu terbahagi kepada 3. Bagi yang pertama pengetahuan isi kandungan mata pelajaran Maharat al-Quran. Data telah di senaraikan ada seperti berikut:

Jadual 3: Pengetahuan Isi Kandungan Mata Pelajaran Maharat al-Quran

No	Pengetahuan Isi Kandungan Mata Pelajaran Maharat al-Quran	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya tahu Maharat al-Quran mengandungi bidang Adab menghafaz al-Quran	4.72	0.45	Tinggi
2	Saya tahu Maharat al-Quran mengandungi pembelajaran Tilawah al-Quran	4.78	0.46	Tinggi

3	Saya tahu Mahārat al-Quran mengandungi pembelajaran Qiraat Ilmi (Teori Ilmu Qiraat)	4.78	0.42	Tinggi
4	Saya tahu Mahārat al-Quran mengandungi pembelajaran Qiraat Amali (Praktikal Ilmu Qiraat)	4.76	0.43	Tinggi
	Keseluruhan	4.76	0.35	Tinggi

Dilihat kepada jadual di atas menurut interpretasi yang di rujuk, nilai tersebut adalah pada tahap yang tinggi. Cuma nilai yang paling rendah adalah item yang pertama. Dengan nilai min 4.72. Walaupun begitu ia masih tinggi.

1.2 Pengetahuan Isi Kandungan Ilmu Qiraat

Pengetahuan yang ke dua adalah pengetahuan isi kandungan Ilmu Qiraat. Ia diterjemahkan dengan nilai yang tersenarai di jadual berikut:

Jadual 4: Pengetahuan Isi Kandungan Ilmu Qiraat

No	Pengetahuan Isi Kandungan Ilmu Qiraat	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Saya tahu Qiraāt mempunyai Turuq-turuq yang pelbagai	4.57	0.50	Tinggi
2	Saya mengetahui dengan Qiraāt tāriq Imam Shatibi	4.30	0.60	Tinggi
3	Saya mengetahui Qiraāt tāriq Ibn Jazari	3.98	0.79	Sederhana Tinggi
4	Saya tahu Perjalanan hidup Imam-imam Qiraat.	3.80	0.74	Sederhana Tinggi
5	Saya tahu Ahlu Sama adalah Ulama Mesir	2.74	1.14	Sederhana Rendah
6	Saya tahu setiap Imam-imam Qiraat mempunyai rawi terkenal yang ramai	3.74	1.26	Sederhana Tinggi
7	Saya menguasai cara bacaan bersendirri (baca ifrad) setiap Imam-imam Qiraat dari tariq Shatibi.	3.78	0.84	Sederhana Tinggi
8	Saya menguasai cara bacaan jama ^c Qiraat dari tariq Shatibi.	3.39	0.81	Sederhana Tinggi
9	Saya tahu cara membaca Jama ^c Qiraat mendahulukan khilaf dari awal ayat.	3.30	1.11	Sederhana Tinggi
	Keseluruhan	3.73	0.44	Sederhana Tinggi

Secara kasar di sini pengetahuan guru berkenaan isi kandungan Ilmu Qiraat adalah pada tahap sederhana tinggi. Nilai yang terendah pula adalah item yang pertama.

1.3 Pengetahuan Isi Kandungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz

Pengetahuan yang ke tiga pula adalah pengetahuan yang berkaitan dengan isi kandungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Ia diterjemahkan seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 5: Pengetahuan Isi Kandungan Kurikulum Bersatu Tahfiz (KBT)

No	Pengetahuan Isi Kandungan Kurikulum Bersatu Tahfiz (KBT)		Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Saya tahu KBT memenuhi keperluan untuk melahirkan modal insan	4.41	0.71	Tinggi	
2	Saya tahu Peruntukan waktu Maharat al-Quran (Qiraat) berbeza di antara Ulul Albab dan KBT	3.65	1.07	Sederhana Tinggi	
3	Saya tahu Guru KBT menguasai kepakaran dalam disiplin ilmu Qiraat	3.69	0.82	Sederhana Tinggi	
4	Saya tahu KBT menetapkan seorang guru untuk 30 murid bagi Maharat al-Quran (Qiraat).	3.26	1.22	Sederhana Tinggi	
	Keseluruhan	3.75	0.60	Sederhana Tinggi	

Maka dapat kita lihat di sini bahawa nilai min bagi pengetahuan isi kandungan kurikulum bersepada tahfiz guru-guru qiraat adalah pada tahap sederhana tinggi. Dan nilai terendah adalah dari item yang ke empat dan nilai keseluruhan adalah 3.75.

Setelah dilihat dengan 3 bahagian pengetahuan tadi disenaraikan keseluruhan nilai min adalah merujuk kepada jadual berikut:

Jadual 6: Kompetensi Guru Dari Aspek Pengetahuan

No	Kompetensi Guru Dari Aspek Pengetahuan		Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Pengetahuan Isi Kandungan Mata Pelajaran Maharat al-Quran	4.76	0.35	Tinggi	
2	Pengetahuan Isi Kandungan Ilmu Qiraat	3.73	0.44	Sederhana Tinggi	
3	Pengetahuan Isi Kandungan Kurikulum Bersatu Tahfiz (KBT)	3.75	0.60	Sederhana Tinggi	
	Keseluruhan	3.98	0.34	Sederhana Tinggi	

Maka nilai min bagi mewakili tahap pengetahuan guru qiraat Negeri Sembilan adalah pada tahap sederhana tinggi. Dengan nilai 3.98.

2. Tahap Kemahiran Guru

Bagi objektif ke dua pula adalah mencari nilai tahap kemahiran guru qiraat. Kemahiran guru pula dibahagikan kepada 3. Iaitu kemahiran komunikasi, psikologi dan kawalan kelas.

2.1 Kemahiran Komunikasi

Di senaraikan dahulu kemahiran komunikasi guru seperti di bawah:

Jadual 7: Kemahiran Komunikasi

No	Kemahiran Komunikasi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya mampu menyampaikan pengajaran dalam keadaan tenang.	4.22	0.60	Tinggi
2	Saya mampu menggunakan intonasi yang bersesuaian.	4.28	0.53	Tinggi
3	Saya mampu membuat analogi/ perumpamaan untuk lebih memahamkan murid.	4.17	0.61	Tinggi
4	Saya mampu melakukan <i>eye contact</i> dengan murid.	4.22	0.66	Tinggi
5	Saya tidak boleh memanggil murid dengan nama panggilan yang menghina mereka.	4.76	0.73	Tinggi
6	Saya mampu menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran KBT	3.69	0.70	Sederhana Tinggi
	Keseluruhan	4.22	0.39	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan tahap kemahiran komunikasi guru adalah pada tinggi dengan nilai terendah adalah 3.69 iaitu item yang ke enam.

2.2 Kemahiran Psikologi

Di senaraikan pula jadual berkenaan kemahiran psikologi guru qiraat seperti di bawah:

Jadual 8: Kemahiran Psikologi

No	Kemahiran Psikologi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya berusaha untuk mengenal pasti keupayaan kefahaman murid terlebih dahulu.	4.30	0.63	Tinggi
2	Saya menyampaikan gambaran keseluruhan pelajaran terlebih dahulu.	4.33	0.51	Tinggi
3	Saya menjelaskan dahulu konsep yang mudah sebelum menerangkan konsep yang lebih kompleks.	4.37	0.49	Tinggi
4	Saya menyampaikan pengajaran dengan cara yang menarik.	3.98	0.69	Sederhana Tinggi
5	Saya mampu memudahkan urusan hal ehwal murid.	4.20	0.56	Tinggi
6	Saya berwajah ceria.	4.20	0.56	Tinggi
7	Saya mengambil tahu prestasi perkembangan akademik murid.	4.41	0.57	Tinggi
8	Saya meraikan pendapat murid.	4.41	0.50	Tinggi
9	Saya memberi hadiah kepada murid sebagai galakan.	4.04	0.75	Tinggi
10	Saya mengucapkan kata-kata perangsang kepada murid.	4.48	0.54	Tinggi

11	Saya menyarankan teknik mengikut kebolehan murid	4.35	0.52	Tinggi
12	Saya sentiasa memberikan motivasi kepada murid	4.56	0.54	Tinggi
13	Saya menyarankan agar murid menumpukan perhatian kepada ayat-ayat yang mempunyai khilaf bacaan yang banyak.	4.48	0.57	Tinggi
	Keseluruhan	4.32	0.39	Tinggi

Melihat jadual di atas dapat kita sebutkan bahawa nilai tahap kemahiran psikologi guru adalah tinggi dengan nilai min adalah 4.32 dan nilai terendah adalah sederhana tinggi iaitu 3.98.

2.3 Kemahiran Kawalan Kelas

Manakala bahagian yang ketiga dari kemahiran pula adalah kemahiran kawalan kelas yang dibentangkan dalam jadual di bawah ini:

Jadual 9: Kemahiran Kawalan Kelas

No	Kemahiran Kawalan Kelas	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya memulakan pengajaran Qiraat dengan set induksi yang telah dirancang	3.41	0.77	Sederhana Tinggi
2	Saya memulakan pengajaran dengan bacaan doa khusus	4.33	0.61	Tinggi
3	Saya memulakan pengajaran dengan menuliskan Basmalah	3.46	1.04	Sederhana Tinggi
4	Saya memulakan sesi pengajaran setelah murid bersedia sepenuhnya	4.28	0.66	Tinggi
5	Saya mempelbagaikan kaedah dalam set induksi	3.56	0.90	Sederhana Tinggi
6	Saya menyampaikan isi pengajaran dalam bentuk kuliah.	3.46	0.82	Sederhana Tinggi
7	Saya menggunakan bait-bait matan Shatibi sebagai hujah dalam penerangan isi pengajaran.	3.30	0.92	Sederhana Tinggi
8	Saya menggunakan teknik penceritaan.	3.44	1.00	Sederhana Tinggi
9	Saya mengaitkan ilmu dengan pengalaman yang dimiliki dalam pengajaran	4.04	0.85	Tinggi
10	Saya mengaplikasikan teknik soal jawab dalam sesi PDP	4.26	0.71	Tinggi
11	Saya meminta murid membuat rumusan pelajaran dengan menggunakan peta minda.	3.63	0.73	Sederhana Tinggi
12	Saya menjalankan aktiviti sumbang saran/ debat sesama murid dalam sesi PDP	3.30	0.84	Sederhana Tinggi

13	Saya Menunjukkan cara bagi murid yang berbentuk praktikal/ amali.	4.00	0.75	Tinggi
14	Saya menggunakan internet bagi sukanan pelajaran yang bersesuaian.	3.44	0.86	Sederhana Tinggi
15	Saya menganjurkan lawatan akademik.	2.33	0.97	Sederhana Rendah
16	Saya menjalankan sesi PDP di luar bilik darjah (contoh: surau, perpustakaan, kantin, makmal komputer, dll)	3.39	1.05	Sederhana Tinggi
17	Saya memperincikan penyampaian pengajaran dengan merujuk kepada bahan rujukan lain di samping buku teks seperti buku-buku rujukan Qiraat.	3.96	0.75	Sederhana Tinggi
18	Saya menjalankan aktiviti perbincangan dalam kumpulan	3.81	0.73	Sederhana Tinggi
19	Saya menggunakan kertas mahjung	3.04	0.85	Sederhana Tinggi
20	Saya menggunakan LCD	3.02	1.05	Sederhana Tinggi
21	Saya menggunakan komputer (<i>desktop</i>).	2.52	1.08	Sederhana Rendah
22	Saya menggunakan komputer riba(<i>laptop</i>).	3.61	1.04	Sederhana Tinggi
23	Saya membuat sesi soal jawab berkaitan isi pelajaran	4.20	0.71	Tinggi
24	Saya merekod kelemahan setiap murid untuk tindakan susulan	3.56	0.69	Sederhana Tinggi
25	Saya membuat kesimpulan pengajaran	4.22	0.57	Tinggi
26	Saya memberikan latihan di kelas	4.15	0.66	Tinggi
27	Saya membuat refleksi selepas pengajaran	4.11	0.72	Tinggi
28	Saya menasihati murid mengamalkan ilmu yang dipelajari	4.24	0.70	Tinggi
29	Saya memilih murid cemerlang sebagai guru muda kepada murid yang lemah	4.04	0.99	Tinggi
Keseluruhan		3.66	0.42	Sederhana Tinggi

Terdapat 29 item pada kemahiran kawalan kelas Guru Qiraat. Ia dilihat secara keseluruhan adalah 3.66 nilai min iaitu sederhana tinggi dan nilai item terendah adalah item ke 15 dengan sederhana rendah iaitu 2.33 nilai min.

Maka di lihat keseluruhan tahap kemahiran Guru Qiraat adalah dengan jadual di bawah:

Jadual 10: Kompetensi Guru Dari Aspek Kemahiran

No	Kompetensi Guru Dari Aspek Kemahiran	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Kemahiran Komunikasi	4.22	0.39	Tinggi
2	Kemahiran Psikologi	4.32	0.39	Tinggi
3	Kemahiran Kawalan Kelas	3.66	0.42	Sederhana Tinggi
	Keseluruhan	4.07	0.34	Tinggi

Jadual menyebut bahawa nilai min bagi kemahiran Guru Qiraat di Negeri Sembilan adalah pada tahap tinggi dengan nilai terendah adalah sederhana tinggi iaitu 3.66 nilai min pada kemahiran kawalan kelas guru.

3. Tahap Sikap Guru

Terus kepada objektif yang ketiga dan terakhir iaitu mencari nilai min tahap sikap guru qiraat. Perkara ini dijelaskan dengan lebih lanjut dengan jadual di bawah:

Jadual 11: Sikap Guru Qiraat

No	Sikap	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya seronok mengajar mata pelajaran Mahārat al-Quran	4.63	0.53	Tinggi
2	Saya berusaha menyampaikan pengajaran KBT secara sistematis kepada setiap murid	4.39	0.60	Tinggi
3	Saya membuat rujukan untuk menambahkan pengetahuan terhadap mata pelajaran KBT	4.48	0.54	Tinggi
4	Saya memberi dorongan kepada murid untuk menguasai ilmu Qiraat	4.43	0.54	Tinggi
5	Saya menggalakkan murid menghafaz manhaj Imam-Imam Qiraat	4.33	0.58	Tinggi
6	Saya berusaha mempertingkatkan kualiti pengajaran kerana bilangan murid yang tidak ramai di dalam kelas	4.35	0.56	Tinggi
7	Saya merasa sedih apabila melihat prestasi murid lemah dalam menguasai Ilmu Qiraat	4.19	0.85	Tinggi
8	Saya memperuntukkan masa di luar daripada jadual KBT khususnya untuk Ilmu Qiraat	3.93	0.82	Sederhana Tinggi
9	Saya percaya bahawa terdapat murid tidak dapat dibantu dalam menguasai Ilmu Qiraat	2.98	1.07	Sederhana Rendah
10	Saya berusaha mencari penyelesaian untuk memperbaiki penguasaan Ilmu Qiraat murid yang tidak mencapai tahap sepatutnya	4.26	0.44	Tinggi
11	Saya berbincang dengan guru lain untuk	4.37	0.56	Tinggi

	mempelbagaikan kaedah pengajaran				
12	Saya sentiasa menggalakkan murid menggunakan Bahasa Arab untuk dijadikan sebagai amalan harian	4.00	0.61	Tinggi	
13	Saya sabar dalam melaksanakan tanggung jawab saya sebagai guru	4.41	0.53	Tinggi	
14	Saya membimbing murid yang lemah	4.31	0.67	Tinggi	
	Keseluruhan	4.22	0.36	Tinggi	

Nilai min bagi sikap guru adalah pada tahap yang membanggakan iaitu dengan 4.22 nilai min. ia berada pada tahap tinggi dan nilai terendah adalah sederhana rendah pada item yang ke 9 dengan 2.98 nilai min.

4. Tahap Keseluruhan

Maka secara keseluruhan konstark-konstruk ini adalah dengan nilai yang diterjemahkan dengan jadual di bawah:

Jadual 12: Kompetensi Guru Qiraat

No	Kompetensi Guru Qiraat	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Pengetahuan	3.98	0.34	Sederhana Tinggi
2	Kemahiran	4.07	0.34	Tinggi
3	Sikap	4.22	0.36	Tinggi
	Keseluruhan	4.08	0.29	Tinggi

Telah kita lihat di jadual di atas bahawa secara keseluruhan tahap kompeten guru qiraat di negeri sembilan adalah pada tinggi dengan 4.08 nilai min dengan konstruk tertinggi adalah sikap dengan 4.22 nilai min dan terendah adalah pengetahuan dengan 3.98 nilai min pada tahap sederhana tinggi.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dibentangkan sebelum ini dapat dibahagikan kepada 3 bahagian mengikut konstruk yang telah ditetapkan sebelum ini. Kompeten itu terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan sikap (Jinggan 2016).

Pertama adalah pengetahuan yang terdiri daripada pengetahuan mata pelajaran maharat, pengetahuan isi kandungan Ilmu Qiraat dan pengetahuan isi kandungan kurikulum bersepadu tafhiz KBT.

Melihat pengetahuan isi mata pelajaran yang bernilai min 4.76 adalah berinterpretasi tinggi. Ini bermakna guru-guru qiraat sangat mengetahui isi kandungan mata pelajaran Maharat al-Quran. Mereka juga sangat menyedari bahawa Ilmu Qiraat serta Ilmu-ilmu lain yang digabungkan dalam mata pelajaran ini. Ia dilambangkan dengan nilai min tertinggi 4.78.

Bagi pengetahuan isi kandungan Ilmu Qiraat pula adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.73. Walaupun begitu item tertinggi di dalam konstruk ini adalah guru-guru

mengetahui Ilmu Qiraat dengan Thuruq Syatibi dengan nilai min 4.30. Ini bermakna walaupun Ilmu Qiraat terdiri daripada 2 thuruq yang popular iaitu satu lagi thuruq yang dimaksudkan adalah Thuruq Jazari. Sebenarnya sudah memadai untuk guru mengajar kerana Thuruq Syatibi sahaja yang diperkenalkan di dalam kurikulum bersepadu tahfiz.

Manakala pengetahuan isi kandungan Kurikulum Bersepadu Tahfiz pula nilai min adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.75. Item yang paling tinggi adalah item yang menyatakan bahawa guru mengetahui tentang Kurikulum Bersepadu Tahfiz direka bentuk adalah bagi memenuhi tuntutan modal insan negara di masa akan datang dengan nilai min 4.41 iaitu tahap tinggi. Item terendah adalah item yang menyatakan guru tahu bahawa nisbah guru adalah dengan 30 murid untuk mata pelajaran Maharat al-Quran iaitu 3.26 pada tahap sederhana tinggi. Ini adalah dapatan yang nyata benar dengan tahap sederhana tinggi kerana guru hanya dinisbahkan dengan 8-12 orang murid untuk mata pelajaran Maharat al-Quran inikan pula Ilmu Qiraat kerana murid dikehendaki bertalaqi dan bermushafahah dengan guru bagi mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.

Maka secara keseluruhan guru adalah berada pada tahap sederhana tinggi bagi pengetahuan dengan nilai min adalah 3.98. hanya 0.02 sahaja lagi bagi mencapai tahap tinggi. Bahagian yang ke dua adalah kemahiran. Secara keseluruhan tahap kemahiran guru adalah tinggi dengan nilai min 4.08. Kemahiran juga dipecahkan kepada tiga komponen iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran psikologi dan kemahiran kawalan kelas.

Bagi kemahiran komunikasi adalah tahap tinggi dengan nilai min 4.06. Paling tinggi nilai min adalah item guru menggunakan intonasi yang sesuai semasa proses pengajaran dan pembelajaran iaitu tahap tinggi dengan nilai min 4.28. Cuma di bahagian ini penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar menunjukkan suatu cabaran kerana tahap guru adalah 3.69 dengan interpretasi sederhana tinggi.

Kemahiran psikologi pula adalah pada tahap tinggi dengan nilai min 4.32. Guru menunjukkan mereka sering memberikan galakan kepada murid dengan nilai min 4.56 pada tahap tinggi pada item sering memberikan motivasi kepada murid agar mencapai matlamat mereka menguasai ilmu qiraat. Manakala item menyampaikan dengan cara yang menarik adalah item terendah dengan tahap sederhana tinggi iaitu 3.98. Diperhalusi pada item 1 guru mengenal pasti keupayaan murid dan item 11 guru menyarankan teknik mengikut keadaan murid adalah memberikan isyarat bahawa guru mengambil berat keadaan murid mereka. Ini kerana mereka mengenal pasti tahap dalam masa yang sama cuba menyelesaikan masalah murid mereka bagi menguasai Ilmu Qiraat. Perkara ini sangat dipuji kerana ia adalah ciri-ciri guru yang baik (Idris & Hamzah 2013).

Kemahiran kawalan kelas pula berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.66. Item bagi kemahiran ini adalah 29 dan terdapat 17 item yang berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai 59% kesemua item adalah menunjukkan guru berkemahiran sederhana tinggi dalam kemahiran kawalan kelas sedangkan perkara ini adalah bidang guru-guru. Kadar penggunaan ICT juga adalah pada tahap sederhana tinggi (Mustarin et al. 2020).

Konstruk terakhir adalah sikap. Sikap pada nilai min 4.22 dengan tahap tinggi. Guru-guru mempunyai tahap sikap yang tinggi dalam pengajaran ilmu qiraat. Mereka sangat seronok mengajar dengan nilai min 4.66 pada item tersebut. Mereka juga sangat optimis bahawa murid dapat dibantu

menguasai ilmu qiraat dengan respons terhadap item guru percaya murid tidak dapat dibantu menguasai pada nilai min 2.98 iaitu sederhana rendah. Membuktikan bahawa mereka yakin murid mempunyai peluang dan ruang untuk menguasai ilmu qiraat. Manakala nilai sikap yang tinggi adalah perkara yang sangat baik. Menurut teori komptensi Ice Berg, sikaplah yang memainkan peranan dalam menentukan kerja-kerja individu samada ia akan berjaya atau tidak (Jinggan 2016).

IMPLIKASI

Tahap kompeten guru qiraat di Negeri Sembilan terhadap pengajaran ilmu qiraat adalah pada tahap tinggi. Beberapa perkara berada dalam keadaan baik, namun terdapat juga kurang baik. Guru telah mencapai tahap pengetahuan yang baik terhadap perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Cuma perlu bagi guru mengambil berat sempadan kerja buat (*framework*) yang telah ditetapkan oleh majikan bagi memudahkan kerja buat guru dan mencapai objektif pembelajaran, yang perlu dan mesti murid dapat, kerana isu menghasilkan tenaga manusia akan datang (Jinggan 2016). Pihak majikan juga perlu memastikan agar guru-guru mendapat maklumat yang jelas terhadap kerja buat mereka agar tidak berlaku keciciran maklumat dikalangan guru. Penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar sememangnya satu cabaran yang perlu dilalui oleh guru Qiraat. Namun perkara ini bukanlah satu bebanan yang besar kerana melihat kepada impak yang menatijahkan kesan penguasaan istilah Ilmu Qiraat kepada murid-murid.

Matlamat negara maju perlu disambut oleh guru-guru memandangkan kemajuan hari ini memudahkan kualiti kehidupan. Guru perlu bersama-sama mengikuti perkembangan ini dengan memahirkan diri dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan agar isi kandungan pelajaran itu sampai kepada murid yang serba tahu berkenaan perkembangan teknologi masa kini (Umar & Ashaari 2019). Semua perkara ini dapat di atasi hendaknya dengan sikap guru yang cemerlang dan guru mempunyai kemahiran yang baik dalam menangani masalah pembelajaran murid.

KESIMPULAN

Peranan guru terhadap pengajaran yang berkesan bukan satu perkara baru. Kajian demi kajian membuktikan perkara ini. Guru adalah arkitek pembangunan sebuah negara (Che Hasan Sabri & Muhamad 2016). Lebih-lebih lagi guru adalah penyampai yang sangat penting dalam sistem pembelajaran al-Quran kerana murid perlu berhadapan dan meniru gerak mulut guru menyebut setiap kalimah al-Quran.

Sikap yang sangat positif yang ditunjukkan guru dalam kajian ini adalah sangat dipuji. Ini kerana sikaplah yang akan memainkan peranan yang lebih di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan guru (Al-Nawāwī 1996).

Teras sikap individu dianggap penting adalah melalui ciri-ciri kompeten Imam Nawawi berkenaan akhlak guru al-Quran dalam menyampaikan ilmu. Perkara ini tidak disangkal oleh barat malah di sokong pula dengan timbulnya teori Ice Berg yang menggambarkan bahawa sikap adalah elemen penting dalam setiap perkara yang dilakukan. Cuma an-Nawawi menekankan penting juga niat perlu diperbaharui sentiasa agar ia sentiasa berada di atas landasan (Al-Nawāwī 1996).

PENGHARGAAN

Maka dengan ini kami mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini samada secara langsung ataupun tidak.

RUJUKAN

- Al-Nawāī, al-I. al-H. A. Z. Y. bin S. al-N. al-D. 1996. *Al-Tibyan Fī Adab Hamlat al-Qur'an.*, hlm. 4th Edisi . Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Azmil Hashim. 2010. *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahnīf al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahnīf al-Quran Negeri*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Hasan Sabri, T. H. bt & Muhamad, T. A. Bin. 2016. *Tahap Self-Esteem Guru Novis dalam Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani*. Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani 5(1): 65–76.
- Daud, Z. 2015. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat di Darul Quran dan Ma'had Tahnīf Al-Qur'an di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Daud, Z., Anuar, K., Mohamad, B., Hakim, M. S., Qiraat, P. & Studies, Q. 2018. *Pengajian Qiraat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah , Usim : Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat*. Qiraat Studies in Faculty of Qur'anic and Sunnah Studies, USIM : An Analysis of Qiraat Understanding Level Abstract Qiraat Studies is a relational.
- Daud, Z. & Ibrahim, M. L. 2019. *Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM*. Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs 3(2): 46–53. doi:10.33102/jqss.vol3no2.53.
- Ibrahim, M. Y. 2017. *Sembang Santai Penyelidikan*. Besut: Bandar Ilmu.
- Idris, N. H. & Hamzah, R. 2013. *Nilai profesionalisme bakal guru berteraskan indikator standard guru Malaysia (SGM)*. Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering) 60: 31–37. doi:10.11113/jt.v60.1445.
- Jinggan, N. A. 2016. *Kompetensi Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahdi Yusuf, S. A. 2019. *Kesediaan dan Amalan Guru dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahnīf (KBT) Sekolah Menengah di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mardhiah Yahaya. 2017. *Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahnīf (Modul Quranik) di MRSRM Ulul Albab. Seminar Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*. Selangor. Darul Quran.
- Mustarin, N. B., Ahmad, A. R. & Awang, M. M. 2020. *Cabarani Guru Sejarah Daerah Papar dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPDR) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. 3(1): 167–177.
- Neild, R., Farley Ripple, E. & Byrnes, V. 2009. *The effect of teacher certification on middle grades achievement in an urban district*. Educational Policy, 23 (5): 732, hlm. 60.
- Peng, C. F. & Shashipriya Nadaraja. 2014. *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 4(2): 10–24.
- Said, A. J. M. & Latif, M. A. N. A. 2016. *Hubungan Motivasi dengan Tahap Penguasaan Qiraat Al-Sab'ie dalam Kalangan Pelajar Kelas Kemahiran Al-Quran di Negeri Perak*. Online Journal of Islamic Education 4(2): 36–45.
- Umar, M. H. & Ashaari, M. F. 2019. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1) 2019. *Jurnal Islam dan Masyarakat kontempornari* 20(1): 206–219.

- Yusuf, S. A. M., Noh, M. A. C. & Razak, K. A. 2021. *Teacher Practice in Teaching the Subject of Maharat Al-Quran Integrated Curriculum Tahfiz. Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-Quran Kurikulum*. Journal of Quran Sunnah, 5(December). Retrieved from <https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/120%0Ahttps://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/download/120/79>.
- Zainora, D., Muhammad Fairuz, A. A. & Mustaffa, A. 2012. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian Qiraat di Jabatan Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS: Satu Tinjauan Awal*. International Conference on Research in Islamic and Araic Language Education 2012 (ICRIALE 2012) (May): 473–486. Retrieved from http://eprints.um.edu.my/14085/1/KAEDAH_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_PENGAJIAN_QIRAAT.pdf.